

# 'Prihatin Membawa Perubahan'

## UMS pulihkan sistem bekalan air graviti Kg Kelawat

48 1-1-2018 B3

**M**ASYARAKAT di Kampung Kelawat, Tamparuli sangat bertuah kerana mendapat faedah daripada Program UMS-SPRINT 'Prihatin Membawa Perubahan' dengan pulihnya sistem bekalan air graviti kampung yang terjejas teruk semasa gempa bumi yang melanda negeri Sabah pada 5 Jun 2015.

Program kemasyarakatan anjuran pelajar-pelajar Pusat Luar UMS (PLUMS) bagi Program Pengeluaran Ternakan, Fakulti Pertanian Lestari, UMS Kampus Sandakan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah ini berlangsung selama dua hari pada 8 hingga 9 Disember 2017.

Kerja-kerja membina dan memulihkan sistem bekalan air graviti kampung merupakan aktiviti utama program yang dibuat secara bergotong-royong oleh para penduduk Kampung Kelawat dan pelajar UMS.

Selain itu, turut diselitkan aktiviti sampingan seperti aktiviti riadah, pertandingan mewarna kanak-kanak, sukaneka, kempen kesedaran penyakit rabies dan Enakmen



**KENNEDY** menyampaikan cendera kenangan kepada Nur Hardy.

Kebajikan Haiwan 2015, Kempen Jom Masuk UMS!, taklimat pengenalan kepada penternakan kambing tenusu, penternakan itik penelur dan demonstrasi membuat telur masin.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Ketua Program Pengeluaran Ternakan, Fakulti Pertanian Lestari, UMS Kampus Sandakan Prof Madya Dr Nur Hardy Abu Daud.

Turut hadir Joisin Romut mewakili Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Malaysia merangkap Ahli Parlimen Tuaran Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Marius Samin mewakili Pengerusi Lembaga Pelancongan Negeri Sabah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kiulu Datuk Joniston Bangkuai, dan Hj Ir Samto Sulah mewakili pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah.

Dalam ucapan perasmiaannya, Nur Hardy berkata bekalan air bersih merupakan elemen penting

dalam kehidupan dan lebih utama jika dibandingkan dengan bekalan elektrik.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar para pemimpin masyarakat dapat membantu menyokong program seumpama ini demi mensejahterakan masyarakat, khususnya di luar bandar dan pedalaman Sabah.

"Program UMS-SPRINT atau juga dikenali sebagai Program UMS-SiswaPrihatin merupakan program interaksi institusi dengan masyarakat berteraskan keperluan pembangunan insaniah dengan tumpuan diberikan kepada nilai-nilai kerjasama berkumpulan, kepimpinan serta meningkatkan daya interaksi dan komunikasi dengan masyarakat setempat, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman," katanya.

Sementara Pengarah Program Kennedy Juani berkata program ini memerlukan sumber kewangan yang agak besar bagi menyediakan peralatan keperluan seperti tangki air, polipaip serta peralatan penyambungan dan kepala paip kerana perlu menyalurkan bekalan air sehingga sejauh 3 kilometer yang memanfaatkan lebih



**GOTONG-ROYONG** membuat tapak tangki simpanan air.

*"Program UMS-SPRINT atau juga dikenali sebagai Program UMS-SiswaPrihatin merupakan program interaksi institusi dengan masyarakat berteraskan keperluan pembangunan insaniah dengan tumpuan diberikan kepada nilai-nilai kerjasama berkumpulan, kepimpinan serta meningkatkan daya interaksi dan komunikasi dengan masyarakat setempat, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman."*

**PROF MADYA DR NUR HARDY ABU DAUD**  
Ketua Program Pengeluaran Ternakan, Fakulti Pertanian Lestari, UMS Kampus Sandakan

40 buah rumah dan lebih 400 orang penduduk Kampung Kelawat.

"Sambutan penduduk kampung terhadap program ini sangat baik dengan kerjasama yang diberikan sangat mantap dan kami

rasa bersyukur kerana usaha ini dapat membawa kegembiraan kepada penduduk di kampung ini," katanya.

Beliau juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan

terima kasih kepada semua penyumbang sama ada pemimpin masyarakat mahu pun orang perseorangan bagi merealisasikan usaha ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Amy Gundolot turut merakamkan ucapan berbilang terima kasih kepada pihak penganjur kerana memilih Kampung Kelawat untuk menjayakan program ini.

"Kampung kami sangat bertuah kerana dipilih untuk menjayakan program ini. Tanpa bantuan melalui program sebegini, agak sukar untuk kami memulihkan sistem bekalan air graviti kampung," katanya.

- *Artikel sumbangan Mohd Azahari@Wilson Majin, Pensyarah Kursus Interim UMS*



**WAJAH** kegembiraan penduduk kampung mendapat bekalan air bersih.



**MERAKAMKAN** gambar kenangan bersama semasa gotong-royong.